

Cabaran kewartawanan era Industri 4.0: Berubah atau rebah

Ucapan majlis penutupan Zamalah Wartawan 1Malaysia 2017, disampaikan oleh mantan penyampai berita TV3, Puan Yusanani Yushak, di De Palma Hotel, Shah Alam, Selangor pada 18 Ogos 2017, jam 11 pagi

Pertama-tama saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Malaysian Press Institute (MPI) kerana memberi kesempatan kepada saya pagi ini untuk menyempurnakan majlis penutupan dan penyampaian sijil kepada para peserta Zamalah Wartawan 1Malaysia 2017 sebentar lagi. Sebagai penceramah terakhir bagi program Zamalah ini, saya menerima tugas "bidan terjun" ini sebagai satu penghormatan yang amat bermakna buat diri saya. Syabas dan tahniah kepada 13 orang peserta program ini atas kejayaan mengikuti program latihan sejak dua minggu lalu. Syabas dan tahniah kepada MPI atas penganjuran Zamalah Wartawan 1Malaysia.

Anda semuanya beruntung kerana dapat mengikuti program seumpama ini, yang menampilkan para penceramah yang berwibawa dalam bidang masing-masing untuk menjadi pengajar dan pembimbing, terdiri daripada para wartawan veteran berpengalaman dan ahli-ahli akademik tersohor. Saya percaya, sedikit sebanyak anda semua mendapat ilmu baharu, atau setidak-tidaknya menyegarkan semula ilmu yang sedia ada menerusi Zamalah ini.

Kandungan latihan pula diatur begitu rupa bukan sahaja bagi membolehkan anda mengikuti syarahan tetapi mengadakan lawatan ke

beberapa tempat untuk mendengar taklimat dan mengadakan dialog dengan pihak-pihak tertentu.

Semasa saya menceburkan diri ke dunia kewartawanan penyiaran pada pertengahan tahun 1994, program latihan serupa ini tidak ada. Saya cuma mempelajari mengenai kewartawanan, berdasarkan pengalaman. Itu sebab saya katakan anda beruntung dan bertuah bukan sahaja kerana adanya program ini, tetapi juga organisasi berita di mana anda berkhidmat tidak keberatan untuk melepaskan anda selama dua minggu bagi mengikuti program ini. Semua kerana majikan anda mengakui, pentingnya menajamkan kemahiran para karyawan secara berterusan. Seperti yang kita sama-sama tahu proses pembelajaran adalah sesuatu yang tidak pernah terhenti, sekalipun kita sudah lama bekerja.

Selepas dua minggu mengikuti Zamalah, anda akan kembali bertugas semula dengan semangat baharu, dan saya percaya, dengan gergaji kewartawanan yang terasah tajam dari dua sudut. Pertama, kemahiran kewartawanan itu sendiri dan kedua, dalam memahami isu-isu kenegaraan yang membabitkan undang-undang media dan interaksi tiga institusi kuasa negara iaitu eksekutif, legislatif dan judisiari.

Tidak kurang pentingnya, program dua minggu ini saya percaya telah membentuk satu perasaan setiakawan yang akrab dalam kalangan peserta yang mewakili pelbagai organisasi berita yang berbeza di negara ini. Diharapkan fellowship yang terjalin akan berpanjangan dan berkekalan

selepas anda meninggalkan program ini. Elok juga supaya anda boleh mengikuti perkembangan terbaru masing-masing dari masa ke masa pada masa mendatang, dan mungkin anda juga telah menubuhkan kumpulan whatapps sendiri.

Program Zamalah Wartawan 1Malaysia 2017 ini adalah program kali ketujuh ia dianjurkan. Sejak diadakan secara tahunan mulai 2011, saya difahamkan 150 orang wartawan, sebahagian besar wartawan muda, telah mengikuti program ini. Usaha MPI menganjurkan satu program latihan serupa ini memang wajar dipuji dan diteruskan kerana dengan cara ini, pengamal media yang masih muda dan mentah dapat didedahkan dengan perkembangan terbaharu bidang kewartawanan yang berpaksikan digital dan multimedia setelah adanya Internet dan pada era konvergen sekarang ini. Teknologi konvergen telah membuka laluan kepada pepaduan pelbagai bentuk media yang turut mempengaruhi fungsi kewartawanan itu sendiri yang kini bukan sahaja bertindak sebagai penyebar maklumat tetapi pemproses maklumat.

Kewartawanan bukan sahaja berkisar kepada teks, tetapi juga video dan audio serta beberapa elemen-elemen lain seperti grafik, animasi, ilustrasi dan sebagainya. Mahu tidak mahu wartawan masa depan mesti melengkapkan diri mereka dengan *software* kewartawanan baharu yang tidak ada sewaktu era kewartawanan cetak dulu. Jadi anda perlu bergerak seiring dengan teknologi terkini untuk memastikan diri anda kekal relevan.

Tambahan pula kita sekarang berada pada era Revolusi Industri Keempat atau Industri 4.0, di mana elemen-elemen *artificial intelligence* turut akan digunakan untuk menyediakan laporan untuk mengambil alih tugas yang dilakukan oleh seorang wartawan. Malah di sebilangan negara Eropah, *computer generated reporting* menggunakan teknologi *artificial intelligence* ini telah digunakan untuk menghasilkan laporan mudah bagi pelaporan berita yang membabitkan statistik seperti laporan kewangan tahunan syarikat dan juga keputusan-keputusan sukan. Memang menakutkan kemungkinan kita kehilangan kerja, tetapi itulah realitinya.

Selain itu, sebagai wartawan kita juga kena menerima hakikat teknologi Industri 4.0 memerlukan mereka melakukan pelbagai fungsi serentak – sebagai pelapor, sebagai penerbit, sebagai editor dan pelaksana. Dengan kata lain, *to be a journalist in the digital age, you have to be able to be an editor, a photographer, a videographer, a reporter, a layout designer and a writer all in one. As a digital reporter you have to go out and sometimes you have to shoot pictures, you need to shoot video, you need to get the story and you need to ask the right questions.*

Saya percaya asas kepada semua elemen-elemen itu telah didedahkan kepada anda sepanjang mengikuti Zamalah Wartawan 1Malaysia 2017. Kewartawanan dan wartawan perlu berubah seiring dengan teknologi, kalau tidak mereka akan ketinggalan. Akhir sekali syabas

dan tahniah sekali lagi dan selamat kembali ke pangkuan organisasi anda untuk meneruskan perjuangan anda dalam dunia kewartawanan.

Terima kasih.